

Kamal
Ahmad



mohdkamal@bharian.com.my

Kuasa ideologi web tentukan kerajaan

Berita Harian 07/06/2010

Komunikasi lebih intensif, telus dampingi generasi muda ^{MIS}

KEAJAIBAN laman web sosial (social networking) ialah keupayaan merubah seluruh struktur landskap sosioekonomi dan politik sekarang. Diramalkan bakal menjadi media perdana dalam tempoh terdekat, laman web ini berkembang pesat dan mewujudkan komuniti virtual yang sangat berpengaruh.

Ideologi web itu meruntuhkan kongkongan birokrasi, melebar dan mendesak ketelusan selain mempertingkatkan pembaharuan dalam pelbagai aspek termasuk mewujudkan perhubungan dua hala kepimpinan tertinggi serta kerajaan.

Di Amerika Syarikat, hampir 60 peratus penduduknya mengikuti forum, perbincangan dan 'twerking' melalui laman web sosial. Di Asia Tenggara pula penyertaan penduduknya dianggarkan meningkat sehingga 50 peratus menjelang 2015. Malaysia tergolong dalam kelompok negara yang penduduknya kian memilih laman web sosial sebagai media. Apakah kesannya kepada sosiopolitik negara?

"Ini menunjukkan rakyat akan berkomunikasi secara *social networking* melalui internet dan mana-mana kerajaan yang tidak mengambil peluang ini akan ketinggalan dari sudut mendampingi dan memahami hasrat rakyat terutama generasi muda yang akan menjadi pengundi baru," kata Pengarah Urusan In-Fusion Solutions, Dr Mohamad Salmi Mohd Sohoh.

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 dijangka diadakan menjelang 2013. Kelompok pengundi muda dianggarkan melebihi 40 peratus. Apabila semakin ramai golongan muda menyertai komuniti virtual khususnya laman web sosial sama ada blog, facebook dan twitter kerajaan wajar memberi perhatian serius untuk mendampingi mereka. Apabila siri kempen, penyebaran persepsi dan propaganda politik menggunakan multimedia semakin pesat menjelang PRU 2013, apakah persediaan kerajaan ke arah itu?

"Jelas, ia (laman web sosial) akan menjadi media perdana menjelang PRU13. Kerajaan tidak harus bertanggung serta sangsi keberkesanan media baru ini. Ia bukan lagi platform propaganda tetapi untuk mendidik serta menerangkan polisi serta keadaan secara telus dan interaktif," kata Mohamad Salmi menjawab soalan untuk beliau melalui e-mel.

Beliau memberi contoh, kuasa dan keajaiban laman web sosial terbukti pada kempen pilihan raya presiden oleh Barrack Obama. Kuasa laman web sosial itu digunakan sepenuhnya oleh kumpulan pilihan raya beliau untuk mendapatkan bukan saja sumbangan kewangan, sokongan moral serta menjadi platform melancarkan manifesto pilihan raya kepada generasi Y, X dan *baby boomers*.

"Saya sangat sedar dan panjang ceritanya," kata Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Razali Ibrahim apabila diajukan soalan mengenai kuasa dan keajaiban laman web sosial masa kini.

Justeru, kerajaan wajar melihat per-



“ Kerajaan tidak harus bertanggung serta sangsi keberkesanan media baru ini. Ia bukan lagi platform propaganda tetapi untuk mendidik serta menerangkan polisi serta keadaan secara telus dan interaktif”

Mohamad Salmi Mohd Sohoh
Pengarah Urusan In-Fusion Solutions

kembangan media ini secara serius. Kerajaan mesti mempunyai kepakaran dan organisasi tersusun yang tangkas untuk beroperasi serta menguruskan tindakan. Government 2.0 antara yang perlu diaplikasikan. Ia adalah satu gerakan kerajaan maya yang menggunakan kelebihan saingan web 2.0.

Mohamad Salmi berkata, Datuk Seri Najib Razak, berpandangan jauh serta memahami kehendak generasi muda dan rakyat umum yang sedia berinteraksi secara maya.

"Perdana Menteri harus melipatgandakan komunikasi secara lebih intensif, interaktif serta telus untuk mendapatkan maklum balas ikhlas daripada rakyat dan generasi baru. Generasi ini tiada kepentingan politik dan seharusnya pandangan mereka adalah ikhlas dan akan menentukan masa depan masyarakat," katanya.

Ditanya bagaimana tuntutan atau

trend massa supaya kerajaan turut melaksanakan Government 2.0, beliau berkata, kerajaan harus menjadikan Government 2.0 sebagai strategi komunikasi utama kerana media elektronik biasa seperti TV, radio serta media cetak akan berkurangan kesannya dalam penyampaian maklumat.

"Strategi ini harus jelas dan menjadi alat utama sekarang untuk penyampaian maklumat. Kandungan maklumat boleh menjadi lebih interaktif dan berkesan dengan *triple play combo* iaitu suara, video dan data. Sekiranya teknologi animasi diintegrasikan ia akan menjadi lebih berkesan," katanya.

Mengenai kesempatan atau peluang yang harus diambil pemimpin politik dan jentera kerajaan terhadap pembangunan Inisiatif Jalur Lebar Negara, Mohamad Salmi berkata, inisiatif itu membenarkan sesiapa saja termasuk pemimpin politik untuk mencapai rakyat di seluruh negara dan dunia.

"Rakyat pula mahu penjelasan serta ketelusan dan ingin mendekati secara peribadi ahli politik serta kepimpinan negara termasuk pegawai kerajaan. Komunikasi harus interaktif serta *synchronous* (timbal balik)," katanya.

Diminta memberi pandangan mengenai multimedia dan masa depan global khususnya dalam sosioekonomi, beliau memberitahu filem *Avatar* arahan James Cameron adalah *benchmark* baru dalam dunia hiburan, perfileman serta propaganda sosial.

"Ia juga lambang tahap kreativiti tinggi. Dunia hiburan dan penyampaian maklumat menjadi lebih immersif dan interaktif dengan penggunaan teknologi digital dan multimedia. Keupayaan teknologi 3 dimensi serta visual dan kesan khas akan menjadikan dunia bayangan sebagai sebuah realiti.

"Dari sudut sosioekonomi, kerajaan semestinya mengeksploitasikan teknologi ini untuk menggambarkan keupayaan mereka memerintah pada masa depan dengan mengkaji kekuatan serta impak multimedia dalam dunia pembelajaran, perniagaan, hiburan serta pengurusan kerajaan dan kehidupan bermasyarakat," katanya.

Kesimpulannya, dunia multimedia, web 2.0 serta Government 2.0 adalah realiti masa kini bukan lagi khayalan masa depan. Yang sangsi dan was-was dan mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat' terus ketinggalan termasuklah kerajaan dan kepimpinan politik.